

01 SEP 2001
BIOMAS-EFB
MASA DEPAN TERJAMIN BAGI EFB

Oleh: Sarawathi Muniappan

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Kemajuan teknologi dalam pengurusan perladangan minyak sawit menyediakan masa depan terjamin bagi industri produk sampingan, buah tandan "kosong" (EFB) yang ditinggalkan selepas setiap kali buah tandan segar (FFB) dipetik bagi pemprosesan di kilang minyak sawit.

Penggunaannya kini semakin meluas memandangkan kepada kemajuan teknologi dalam industri, kata seorang peserta industri.

Menurut Chew Kian Sang, pengarah Szetech Engineering Sdn Bhd, kemajuan itu memberi implikasi positif kepada industri minyak sawit kerana ia membantu potensi EFB di realisasikan sepenuhnya.

"Dengan menggunakan bahan buangan kelapa sawit sebagai produk biomas, kami juga menyumbang ke arah pembuangan bersih mesra alam sekitar EFB," kata Chew.

"Amalan terbaru adalah membuang (menanam balik) EFB," katanya.

Bercakap kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini, Chew berkata Malaysia boleh menghasilkan biomas EFB dengan kuantiti yang banyak setiap tahun tanpa sebarang masalah. "Selagi kita memproses FFB untuk menghasilkan minyak sawit mentah (MSM), daripada buah sawit ini, anda akan mendapat sisa-sisa buangan EFB ini."

Malaysia menghasilkan anggaran 10 juta tonne EFB setahun, katanya.

Selain menggunakan EFB bagi bahan api dandang terutama untuk penjaan kuasa di bawah program tenaga diperbaharui (RE), EFB juga boleh digunakan sebagai baja organik, dana papan gentian dan pembuatan kertas, dan sebagai makanan haiwan (dengan mengubahsuai kandungan pemakanan makanan komersil).

Chew berkata pengeluaran-pengeluaran minyak sawit yang berpangkalan di Indonesia, Papua New Guinea dan Amerika Selatan antara lainnya menunjukkan minat terhadap sistem yang dimajukan oleh Szetech Engineering bagi pemprosesan EFB menjadi biomas.

"PIPOC 2001 (Kongres Minyak Sawit Antarabangsa yang diadakan baru-baru ini) adalah landasan yang baik untuk mewujudkan kesedaran kebanyakannya mengenai eksploitasi sumber biomas diperbaharui," katanya.

Chew berkata teknologi memberikan pilihan yang lebih luas kepada ahli perniagaan dan pelabur-pelabur tentang cara-cara mencapai matlamat berpotensi yang terbuka kepada mereka.

Apabila ditanya mengenai berapa lama syarikat itu mengambil masa untuk memajukan perkakasan dan kelengkapan khas bagi memproses EFB, beliau berkata: "Dengan memanfaatkan pengalaman yang kami perolehi dalam kerja-kerja pertanian, kami mampu memajukan sistem dalam tempoh jangka pendek tiga tahun dengan pelaburan RM1 juta."

"Sistem itu membolehkan gentian itu membiasakan kepada pelbagai ukuran dan kepada pelbagai darjah kekeringan bergantung kepada keperluan pelanggan individu," katanya.

Chew berkata syarikat itu merancang untuk menyepadukan sistem kepada operasi kilang kelapa sawit kerana kilang-kilang ini menawarkan persekitaran membantu bagi pemprosesan EFB.

Bagi kilang 60 tonne sejam (tph), penyepaduan sistem akan menelan kos kira-kira RM1.26 juta.

Bercakap di persidangan yang sama, ketua pegawai eksekutif Pusat Tenaga Malaysia Dr Mohd Zamzam Jaafar menyatakan tenaga diperbaharui (RE) bukan satu saranan baru kepada industri minyak sawit.

Dalam kertas kerjanya di PIPOC 2001 yang bertajuk "Dasar-Dasar dan

Insentif bagi Penjanaan Tenaga Diperbaharui di Malaysia" Dr Mohd Zamzam berkata proses itu membentuk sebahagian daripada dasar pelbagaian bahan api negara yang memerlukan usaha-usaha dibuat (daripada awal 1980-an) untuk menyiasat potensi teknikal dan ekonomi sumber-sumber RE bagi penjanaan elektrik.

Tumpuan diberikan kepada tiga opsyen RE iaitu, hidro mini, solar photovoltaic (sel PV dan bahan buangan pertanian (biomas), dengan kebanyakan projek RE dilaksanakan sebagai sebahagian daripada program elektrik luar bandar.

"Usaha-usaha itu membuktikan RE tidak berdaya maju secara komersil melainkan projek individu diberi bantuan," katanya.

Bagaimanapun, kesedaran dan kebimbangan yang semakin meningkat bagi isu-isu alam sekitar pada 1990-an dan abad ke 21 telah menyediakan dorongan tambahan bagi projek-projek RE untuk dilaksanakan seluruh dunia.

Ketika Kongres Tenaga Diperbaharui Dunia pada Jun 1999 di Kuala Lumpur, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan usaha-usaha negara untuk mengkaji semula potensi RE dan kecekapan tenaga (EE) sebagai pilihan tenaga utama untuk tempoh jangka panjang di Malaysia.

Diunjurkan 95 peratus daripada jumlah elektrik yang dijana pada 2005 masih datang daripada empat sumber utama iaitu minyak, gas, arang batu dan hidro dengan biomas hanya menyumbang baik lima peratus. -- BERNAMA

SM SEL ZK